



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 18 DISEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

6 warga asing kena tahan seludup petrol

Semporna: Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) menggagalkan cubaan enam lelaki warga Filipina menyeludup ke luar 10,375 liter petrol melalui kawasan perairan Pulau Bum Bum ditahan ATB 2, Sabtu lalu.

Dalam kejadian jam 8.50 malam, suspek masing-masing menggunakan dua bot jongkong dikesan oleh Pasukan Quick Reaction Force (QRF) dari 11 Rejimen Gerak Khas, sebelum ditahan untuk pemeriksaan.

Panglima ATB 2, Brigadier Jeneral Wan Edenin Wan Mahsin, berkata pemeriksaan awal dua bot jongkong terbabit mendapati enam awak-awak masing-masing berusia antara 20 hingga 40 tahun itu tidak memiliki dokumen perjalanan atau pengenalan diri sah.

“Pemeriksaan lanjut mendapati sebanyak 10,375 liter petrol yang diisi dalam 415 bekas tong plastik dengan setiap satunya berkapasiti 25 liter, selain satu unit tong gas cecair petroleum (LPG).

Bot jongkong dengan muatan 10,375 liter petrol melalui kawasan perairan Pulau Bum Bum ditahan ATB 2, Sabtu lalu.

(Foto ihsan MK ATB 2)



“Semua barang kawalan itu dipercayai cuba disecludup keluar untuk dijual di negara jiran,” katanya menerusi kenyataan malam kelmarin.

Wan Edenin berkata, nilai keseluruhan barang rampasan, termasuk bot bersama empat unit enjin sangkut keseluruhan di-

anggarkan berjumlah RM79,268.75.

“Semua suspek bersama barang rampasan dibawa Jeti Kem Azumi sebelum diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarra Hidup (KPDN) Semporna untuk tindakan lanjut,” katanya.

KPDN Johor lupus barang kes RM2.15j

Oleh MOHAMAD
FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamulia.com.my

KULAI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri ini melupuskan sejumlah barang kes yang dianggarkan bernilai RM2.15 juta sepanjang tahun ini.

Pengarahnya, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pelupusan pelbagai barang kes itu melibatkan 152 kertas siasatan yang sudah diselesaikan.

"Sepanjang tahun ini juga, KPDN Johor sudah merekodkan sebanyak 1,287 kes dengan jumlah nilai sitaan berjumlah RM29.7 juta.

"Dalam tempoh yang sama, tindakan penguatkuasaan yang dilakukan merekodkan hasil kutipan kompaun dan denda sebanyak RM1.33 juta," ka-

“Aktiviti pelupusan KPDN Johor ini merupakan yang terakhir bagi tahun ini melibatkan 45,374 unit barang pelbagai jenis.”

tanya ketika ditemui selepas Program Pelupusan Ekshhibit Perdana di Kompleks Penyimpanan Ekshhibit Senai, di sini semalam.

Terdahulu, pihak KPDN negeri melupuskan pelbagai barang kes yang dianggarkan bernilai RM113,652 daripada 23

kes yang sudah selesai bagi tahun 2021 hingga 2024.

Kesemua barang tersebut dirampas kerana kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Cap Dagangan 2019, Akta Kawalan Harga dan Antipencututan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1964 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

"Aktiviti pelupusan KPDN Johor ini merupakan yang terakhir bagi tahun ini melibatkan 45,374 unit barang pelbagai jenis, antaranya pakaian, aksesori telefon, jam tangan, beg tangan, produk makanan, kasut, topi keledar motosikal dan baju hujan," katanya.

Beliau menasihatkan para peniaga, khususnya di negeri ini supaya mematuhi segala undang-undang perniagaan, termasuk tidak menjual barang tiruan.



LILIS SASLINDA Pornomo (tengah) menggunting pakaian tiruan pada program Pelupusan Ekshhibit Perdana di Kompleks Penyimpanan Ekshhibit Senai, Kulai.

KPDN lupus barang kes RM2.1j

Kulai: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melupuskan barang kes dianggarkan berjumlah RM2.1 juta sepanjang tahun ini.

Pengarah KPDN Johor Lilis Saslinda Pornomo berkata, tindakan pelupusan pelbagai barang kes itu membabitkan 152 kertas siasatan yang diselesaikan.

“Sepanjang tahun ini, KPDN Johor menghasilkan sebanyak 1,287 kes dengan jumlah nilai sitaan sebanyak RM29.7 juta.

“Dalam tempoh sama, tindakan penguatkuasaan merekodkan hasil kuti-



LILIS

pan kompaun dan denda sebanyak RM1.3 juta,” katanya.

Beliau berkata demiki-

an pada sidang media di Program Pelupusan Ekshibit Perdana di Kompleks Penyimpanan Ekshibit Senai, di sini, semalam.

Menurutnya, barang itu dirampas kerana kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Cap Dagang 2019, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1964 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Katanya, berikutan itu orang ramai dinasihatkan mematuhi undang-undang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan tegas.

KPDN Johor lupus barang kes bernilai RM2.1 juta

JOHOR BAHRU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Johor melupuskan pelbagai barang kes dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM2.1 juta.

Pengarah KPDN Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pelupusan itu membabitkan 152 kertas siasatan yang telah selesai sejak Januari hingga kini.

Menurut beliau, barang kes yang dirampas di kedai, stor dan kilang termasuk daripada pemborong serta peruncit itu dilupuskan selepas mendapat perintah mahkamah.

"Aktiviti pelupusan ini merupakan yang terakhir bagi tahun 2024 melibatkan jumlah 45,374 unit barang pelbagai jenis.

"Antaranya seperti pakaian, aksesori telefon, jam tangan, beg tangan, produk makanan, kasut, helmet dan baju hujan.

"Semua barangan dirampas membabitkan kesalahan di bawah Akta Perihal

Dagangan 2011, Akta Cap Dagang 2019, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1964 dan Akta Perlindungan Pengguna 1999," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang akhbar Program Pelupusan Eksibit KPDN Negeri Johor di Kompleks Penyimpanan Eksibit Senai di sini, pada Selasa.

Menurut Lilis Saslinda, sepanjang tahun ini, KPDN Johor menghasilkan sebanyak 1,287 kes dengan jumlah nilai sitaan sebanyak RM1.33 juta," katanya.

"Dalam tempoh sama, tindakan penyuatuasaan yang dilakukan merekodkan hasil kutipan kompaun dan denda adalah sebanyak RM1.33 juta," katanya.

Dalam pada itu katanya, peniaga-peniaga di negeri ini diminta mematuhi segala undang-undang perniagaan yang telah ditetapkan kementerian berkaitan penjualan dan pengedaran barangan tiruan.



Lilis Saslinda (tiga dari kiri) pada Program Pelupusan Eksibit KPDN Negeri Johor di Kompleks Penyimpanan Eksibit Senai pada Selasa.



Off the streets: Lulis Saslinda (third from left), together with senior Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry personnel symbolically disposing of case items during the programme in Johor Baru. — Bernama

RM2.2mil worth of fake goods binned

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

JOHOR BARU: The Johor Domestic Trade and Cost of Living Ministry has disposed of confiscated fake goods valued at RM2.2mil so far this year.

Its director Lulis Saslinda Purnomo said the items were seized for offences under the Trade Descriptions Act 2011, Trademarks Act 2019, Price Control and Anti-Profiteering Act 2011, Control of Supplies Act 1964, and Consumer Protection Act 1999.

"From January until yesterday (Dec 17), we disposed of RM2,155,355 worth of confiscated goods involving 152 completed investigations.

"The items were fake branded goods, including clothing, phone accessories, watches, handbags, food products, footwear, helmets and raincoats.

"They were destroyed following orders from enforcement officers and court rulings," Lulis Saslinda said at the Exhibit Disposal Programme at the Senai Exhibit Storage Complex here yesterday.

She added that the ministry

**WATCH THE
VIDEO**
TheStarTV.com



investigated 1,287 cases this year, with seized goods amounting to RM29,708,054, and the total collection of fines was RM1,333,227.

Meanwhile, Lulis Saslinda urged the public to lodge a report with the ministry on cases of manipulation and misappropriation, as well as fraud in online sales.

She said the department is committed to helping consumers uphold their rights.

"With rapid technological advancements, more consumers are opting for online transactions.

"At the same time, we urge consumers to uphold their rights. If they encounter cases involving fraud or integrity issues, they must immediately lodge complaints with the ministry so we can take swift action.

"Don't just leave a bad review or one star in the comments section; lodge a formal complaint so that we can take the appropriate action," Lulis Saslinda said.

She said from January until yes-

terday, the state branch of the ministry had received 10,003 complaints involving online sales, particularly in cases where consumers receive products that do not match what was advertised.

"Action will be taken after appointing investigating officers and conducting surveillance.

"Typically, if the case involves counterfeit goods, trademark owners will carry out tests to confirm the authenticity of the goods before further action is taken," she said, adding that consumers are protected under the Consumer Protection Act 1999.

She said consumers can also lodge complaints with the Consumer Claims Tribunal, provided the goods are not for resale or commercial use, and the total claim does not exceed RM50,000.

"Complaints lodged will ensure online traders take the appropriate action and refrain from repeating the same mistakes," she said.

The ministry has also set up numerous complaint channels, including a WhatsApp line at 019-848 8000, the e-aduan portal at <http://eaduan.kpdn.gov.my>, the call centre at 1-800-886-800, and the Ez ADU KPDN application.



The boat loaded with 415 containers containing petrol seized.

Bid to smuggle out petrol foiled

Azmie Lim

SEMPORNA: The Joint Task Force 2 (MK ATB 2) foiled an attempt by six Filipino men to smuggle out 10,375 litres of petrol through the waters off Pulau Bum Bum, near here, on Saturday.

MK ATB 2 Commander Brigadier General Wan Edenis Wan Mahsin said the suspects, who were using two boats, were spotted behaving suspiciously by the Quick Reaction Force (QRF) team from the 11th Special Forces Regiment at 8.50pm.

He said initial checks on the boats revealed that the six crew members, aged between 20 and 40, did not possess valid travel or identification documents.

"Further inspection found 10,375 litres

of petrol stored in 415 plastic containers, each with a 25-litre capacity, as well as one unit of liquefied petroleum gas (LPG) cylinder.

"All the controlled items are believed to have been intended for smuggling to be sold in a neighbouring country," he said.

Wan Edenis added that the total value of the seized items, including the boats with four outboard engines, was estimated at RM79,268.75.

"All suspects and seized items were taken to the Jeti Kem Azumi before being handed over to the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) in Semporna for further action.

"The case is being investigated under the Supply Control Act 1961," he said.

Enam lelaki Filipina ditahan cuba seludup keluar petrol

Azmie Lim

SEMPORNA: Pasukan Petugas Khas 2 (MK ATB 2) berjaya menggagalkan cubaan enam lelaki warga Filipina menyeludup keluar 10,375 liter petrol melalui perairan berhampiran Pulau Bum Bum di sini pada Sabtu.

Komander MK ATB 2 Brigedier Jeneral Wan Edenin Wan Mahsin, berkata suspek yang menaiki dua bot dikesan bertindak mencurigakan oleh Pasukan Tindak Reaksi Pantas (QRF) daripada Rejimen Ke-11 Pasukan Khas jam 8.50 malam.

Katanya, pemeriksaan awal terhadap bot terbabit mendapati enam kru, berusia antara 20 hingga 40 tahun, tidak mempunyai dokumen perjalanan atau pengenalan diri yang sah.

"Pemeriksaan lanjut menemukan

10,375 liter petrol yang disimpan dalam 415 bekas plastik, masing-masing berkapasiti 25 liter, serta satu unit tong gas petroleum cecair (LPG).

"Semua barang kawalan ini diper-
caya untuk tujuan penyeludupan bagi
dijual di negara jiran," katanya.

Wan Edenin menambah nilai keselu-
ruhan barang yang dirampas, termasuk bot dengan empat enjin sangkut,
dianggarkan berjumlah RM79,268.75.

"Semua suspek dan barang rampasan
dibawa ke Jeti Kem Azumi sebelum diser-
ahkan kepada Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
(KPDN) di Semporna untuk tindakan lan-
jut.

"Kes disiasat di bawah Akta Kawalan
Bekalan 1961," tambahnya.



MK ATB 2 gagalkan cubaan seludup minyak petrol bernilai RM79,000

SEMPORNA: Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) berjaya menumpaskan cubaan menyeludup keluar minyak petrol dianggarkan bernilai RM79,000 di perairan Pulau Bum Bum, di sini Sabtu lepas.

Dalam kejadian kira-kira jam 8.50 malam itu, Pasukan Quick Reaction Force (QRF) dari 11 Rejimen Gerak Khas mengesan dua bot jongkong dalam keadaan mencurigakan di perairan berkenaan.

Panglima ATB 2, Brigedier Jeneral Wan Edenin Wan Mahsin berkata Pusat Operasi Wilayah Bersama (POWB) menerima laporan daripada pasukan QRF mengenai kejadian itu.

Katanya, susulan itu, POWB

mengarahkan pasukan QRF untuk menahan dan mengiringi kedua-dua bot jongkong berkenaan ke Jeti Azumi untuk pemeriksaan ke atas barang muatan yang dibawa.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat enam awak-awak berusia 20 hingga 40 tahun disyaki warga asing dan tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah di dalam bot berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut menemukam sejumlah 415 tong minyak berisi minyak petrol dianggarkan sebanyak 10,375 liter, empat tong kosong dan satu tong gas," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, semua minyak petrol berkenaan disyaki untuk diseludup keluar ke ne-

gara jiran berdasarkan jumlahnya yang banyak.

"Nilai rampasan termasuk minyak petrol, dua buah bot dan empat enjin sangkut dianggarkan bernilai RM79,268.75.

"Semua suspek terbabit bersama bot dan barang rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Semporna untuk tindakan lanjut," katanya.

Wan Edenin menzahirkan tahniah kepada anggota POWB ATB 2 dan Tim QRF atas kejayaan ini dan mengingatkan warga MK ATB 2 terus mengekalkan kesiapsiagaan operasi bagi memastikan keselamatan perairan negara terjaga.-UB ONLINE.



TAHAN Pasukan QRF menahan dan merampas semua minyak petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran.

Home

KPDN Sarawak lauds Medan Niaga Satok traders' diligence in displaying price tags

KUCHING: Traders at Medan Niaga Satok here have conducted their business ethically by displaying price tags at all times, says Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) Sarawak director Matthew Dominic Barin.

He made this observation during a recent surprise inspection, led by Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Ali.

"Two days ago, I accompanied the minister on a visit to Medan Niaga Satok, and we noticed that the traders there displayed price tags on their items.

"They were unaware that the minister and the KPDN Sarawak director were present.

"They had maintained ethical business practices at all times based on our observation," he said during the 'KPDN Sarawak Media and Consumer Heroes Appreciation Night' on Monday.

Matthew attributed the traders' compliance with the display of price tags regulations to the commitment of KPDN Sarawak's enforcement team, which had been conducting regular monitoring and inspections.

"Congratulations to all our officers for ensuring that business operations in



Matthew (second right) presents the media appreciation certificate and trophy to Utusan Borneo, represented by its reporter Henrietta Liza.

Sarawak remain optimal and harmonious," he said.

Matthew also called upon the consumers to play their part in ensuring that the business community in Sarawak would

continue to uphold ethical business practices.

He also emphasised that KPDN Sarawak would continue to collaborate with other enforcement agencies to combat

unscrupulous traders and address leakages.

"KPDN Sarawak is not alone; we are growing in numbers to create the best business environment for Sarawak," he said.



RAMPAS: Pasukan QRF menahan dan merampas semua minyak petrol disyaki cuba diseludup ke negara jiran.

Cubaan seludup keluar minyak petrol tumpas

MK ATB 2 rampas minyak petrol dianggarkan bernilai RM79,000 di perairan Pulau Bum Bum

Oleh Hamzah Sanudin

SEMPORNA: Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) berjaya menumpaskan cubaan menyeludup keluar

Dalam kejadian kira-kira jam 8.50 malam itu, Pasukan Quick Reaction Force (QRF) dari 11 Rejimen Gerak Khas mengesan dua bot jongkong dalam keadaan mencurigakan di perairan berkenaan.

Panglima ATB 2, Brigadier Jeneral Wan Edenin Wan Mahsin berkata, Pusat Operasi Wilayah Bersama (POWB) menerima laporan daripada pasukan QRF mengenai kejadian itu.

Katanya, susulan itu, POWB mengarahkan pasukan QRF

untuk menahan dan mengiringi kedua-dua bot jongkong berkenaan ke Jeti Azumi untuk pemeriksaan ke atas barang muatan yang dibawa.

"Hasil pemeriksaan mendapat terdapat enam awak-awak berusia 20 hingga 40 tahun disyaki warga asing dan tiada sebarang dokumen pengenalan diri yang sah di dalam bot berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut menemukan sejumlah 415 tong minyak berisi minyak petrol dianggarkan sebanyak 10,375 liter, empat tong kosong dan satu tong gas," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Menurutnya, semua minyak petrol berkenaan disyaki untuk diseludup keluar ke negara jiran berdasarkan

jumlahnya yang banyak.

"Nilai rampasan termasuk minyak petrol, dua buah bot dan empat enjin sangkut dianggarkan bernilai RM79,268.75.

"Semua suspek terabit bersama bot dan barang rampasan diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Semporna untuk tindakan lanjut," katanya.

Wan Edenin menzahirkan tahniah kepada anggota POWB ATB 2 dan Tim QRF atas kejayaan ini dan mengingatkan warga MK ATB 2 terus mengekalkan kesiapsiagaan operasi bagi memastikan keselamatan perairan negara terjaga.

KPDN komited pupuk persekitaran perniagaan ideal

Pelbagai usaha telah dilaksana bagi capai matlamat itu sekali gus cipta corak perniagaan lebih harmoni

Oleh Henrietta Liza

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan KosSaraHidup (KPDN) Sarawak komited untuk memupuk persekitaran perniagaan yang ideal di negeri ini.

Menurut Pengarah KPDN Sarawak Matthew Dominic Barin pelbagai usaha telah dilaksanakan sepanjang tahun

“Objektif utama kita adalah untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih teratur dan kondusif di negeri ini.”

Matthew Dominic Barin
Pengarah KPDN Sarawak

bagi mencapai matlamat itu sekali gus mencipta corak perniagaan yang lebih harmoni di sini.



PENGHARGAAN: Matthew (duakanan) menyampaikan plak cenderamata berserta sijil sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada wakil media daripada Utusan Borneo, malam kelmarin.

“Objektif utama kita adalah untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih teratur dan kondusif di negeri ini,” katanya.

Matthew berkata demikian semasa berucap pada Malam Apresiasi dan Malam Mesra Bersama Rakan Media dan Hero Pengguna KPDN Sarawak yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini, malam kelmarin.

Beliau menekankan bahawa program tersebut melibatkan pelbagai segmen masyarakat,

termasuk peniaga, kumpulan pengguna pelajar, sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Seterusnya menyatakan bahawa kemajuan ketaraf telah dicapai, seperti pematuhan ramai peniaga terhadap peraturan yang ditetapkan dan usaha mereka untuk beroperasi secara beretika.

“Pemerhatian ini susulan lawatan mengejut oleh menteri KPDN dan saya sendiri ke Kubah Ria pada Sabtu lalu.

“Justeru, saya berharap pada tahun depan anda semua (KPDN) di seluruh Sarawak menjalankan tugas dengan lebih cemerlang lagi.

“Begitu juga, kami berharap rakan media dan NGO di sini akan turut sama membantu pihak KPDN, untuk mencapai objektif tersebut,” ujarnya.

Ini kerana peranan dan laporan pihak media amat penting dan menjadi panduan kepada warga pengguna dan golongan berkepentingan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 DISEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Dec	KPDN Johor lupus barang kes RM2.1 juta	https://www.sinarharian.com.my/article/702654/berita/semasa/kpdn-johor-lupus-barang-kes-rm21-juta	SINAR HARIAN
18-Dec	KPDN Johor lupus barang kes RM2.1 juta	https://malaysiaga-zette.com/2024/12/17/kpdn-johor-lupus-barang-kes-rm2-1-juta/	MALAYSIA GAZETTE
18-Dec	KPDN Johor lupus barang kes RM2.1 juta	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/12/1167144/kpdn-johor-lupus-barang-kes-rm21-juta	HARIAN METRO
18-Dec	KPDN Johor lupus barang kes RM2.15 juta	https://www.kosmo.com.my/2024/12/17/kpdn-johor-lupus-barang-kes-rm2-15-juta/	KOSMO
18-Dec	KPDN Johor lupuskan barang kes bernilai RM2.1 juta	https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-johor-lupuskan-barang-kes-bernilai-rm2-1-juta/	BULETIN TV3
18-Dec	KPDN Johor terima 10,003 aduan kes penipuan dalam talian	https://malaysiaga-zette.com/2024/12/17/kpdn-johor-terima-10003-aduan-kes-penipuan-dalam-talian/	MALAYSIA GAZETTE
18-Dec	KPDN komited pupuk persekitaran perniagaan ideal	https://www.utusanborneo.com.my/2024/12/17/kpdn-komited-pupuk-persekitaran-perniagaan-ideal	UTUSAN BORNEO
18-Dec	KPDN Sarawak lauds Medan Niaga Satok traders for displaying price tags at all times	https://www.theborneopost.com/2024/12/17/kpdn-sarawak-lauds-medan-niaga-satok-traders-for-displaying-price-tags-at-all-times/	THE BORNEO POST
18-Dec	Sarawak KPDN committed to fostering harmonious business environment	https://www.sarawaktribune.com/sarawak-kpdn-committed-to-fostering-harmonious-business-environment/	SARAWAK TRIBUNE

18-Dec	6 Filipinos caught smuggling 10,000 litres petrol Sabah	https://www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2024/12/1149315/6-filipinos-caught-smuggling-10000-litres-petrol-sabah	NEW STRAITS TIMES
18-Dec	Petrol bersubsidi cuba diseludup ke negara jiran dirampas	https://www.utusan.com.my/berita/2024/12/petrol-bersubsidi-cuba-diseludup-ke-negara-jiran-dirampas/	UTUSAN MALAYSIA
18-Dec	Percubaan Seludup 10,375 Liter Petrol Digagal	https://malaysiagazette.com/2024/12/17/percubaan-seludup-10375-	MALAYSIA GAZETTE
18-Dec	6 lelaki filipina ditahan cuba seludup 10,375 liter minyak petrol	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/12/1167008/6-lelaki-filipina-ditahan-cuba-seludup-10375-liter-minyak-	HARIAN METRO
18-Dec	ATB 2 tahan 6 warga Filipina, gagalkan cubaan seludup petrol RM79,000	https://beritasabah.com/atb-2-tahan-6-warga-filipina-gagalkan-cubaan-seludup-petrol-rm79000	BERITA SABAH
18-Dec	Cubaan seludup minyak petrol bernilai RM79,000 digagalkan	https://sabahkini2.org/en/news/6704/cubaan-seludup-minyak-petrol-bernilai-rm79000-digagalkan-mk-atb-2/view	SABAH KINI
18-Dec	KPDN Johor terima lebih 10,000 aduan kes tipu perniagaan dalam talian	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-johor-terima-lebih-10-000-aduan-kes-tipu-perniagaan-dalam-talian	BERITA RTM
18-Dec	KPDN Johor lupus barang kes RM2.1 juta	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-johor-lupus-barang-kes-rm2-1-juta	BERITA RTM
18-Dec	KPDN JOHOR LUPUS BARANG KES BERNILAI RM2.15 JUTA	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2374581	BERNAMA
18-Dec	Johor KPDN disposes of fake goods worth RM2.15 mil	https://thesun.my/malaysia-news/johor-kpdn-disposes-of-fake-goods-worth-rm215m-pe13429521	THE SUN